

13/08/1998

Pengurus pasukan akur saranan PM

Norbakti Alias

RAMAI pengurus skuad negara ke Sukan Komanwel menyifatkan ingatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya atlit bertanding atas kepentingan negara tanpa mengira kaum serta berdedikasi dalam latihan, sebagai tepat pada masanya.

Pengurus skuad gimnastik artistik, Datuk Abdul Ghani Pateh Akhir, berkata kenyataan Perdana Menteri wajar diberi perhatian sebagai bekalan terbaik.

"Semua orang perlu sedar bahawa dalam sesuatu acara, ada ratusan atlit yang mengambil bahagian tapi cuma seorang yang mampu menjadi pemenang.

"Sebab itu, kita perlu sama-sama berusaha memastikan atlit negara boleh muncul pemenang," katanya.

Perdana Menteri, ketika menyerahkan bendera Malaysia kepada kontingen negara semalam, mengingatkan atlit dan pegawai supaya mengetepikan soal warna kulit ketika bertanding, sebaliknya berjuang atas nama negara.

Malah, Dr Mahathir juga berkata atlit tidak harus meletakkan sebarang syarat untuk mewakili negara tetapi menerima apa yang disediakan untuk mereka selain tidak menarik diri pada saat akhir atau merajuk.

Pengurus lawn bowl, Christabell Isaiah, pula berkata saranan Perdana Menteri agar atlit tetap berusaha walaupun kalah sememangnya tepat kerana ahli sukan wajar mencuba memberikan persembahan terbaik.

"Atlit yang terpilih adalah yang terbaik dan perlu membuktikan keupayaan mereka. Bagi mereka yang digugurkan, jangan fikir anda tidak baik kerana mungkin atlit lain lebih baik daripada anda."

Pengurus badminton, Datuk Al Amin Majid, pula berkata kenyataan Perdana Menteri perlu dijadikan iktibar, khususnya bagi pemain badminton negara.

"Dalam sukan, tidak ada sempadan perkauman. Hanya yang terbaik akan terpilih.

"Saya harap semua pemain mengambil perhatian terhadap kenyataan Perdana Menteri supaya tidak dipersoalkan mengenai jurulatih.

"Memang benar, benda yang tak baik jika dibuat dengan betul akan menjadi baik juga, seperti kata Perdana Menteri tadi," katanya.

Presiden Persatuan Bola Jaring Malaysia, Norminshah Sabirin dan jurulatihnya, Doresia Lomongkok, juga bersetuju agar atlit terus mengadakan latihan walaupun Sukan Komanwel semakin hampir.

"Pemain tidak harus mengurangkan persiapan, sebaliknya terus berusaha meningkatkan kemampuan diri," kata Doresia.

(END)